

1. PEMILIHAN PELUANG UNTUK PENAMBAHBAIKAN

Sapuan fluorida adalah satu-satunya fluorida topikal yang digunakan secara profesional yang disyorkan untuk mengawal dan mencegah karies gigi pada kanak-kanak kecil. Sapuan fluorida diindikasikan untuk kanak-kanak dan orang dewasa yang berisiko tinggi untuk mendapat karies.

1.1 PEMILIHAN MASALAH

MASALAH	S	M	A	R	T	JUM
Peratusan sapuan fluorida kedua di Klinik Pergigian (KP) Kuah adalah tidak mencapai sasaran.	12	12	12	12	12	60
Bilangan gigi berfungsi pesakit warga tua berumur 60 tahun Klinik Pergigian (KP) Kuah tidak mencapai sasaran.	11	5	4	4	4	28
Peratusan kes selesai sekolah rendah di Klinik Pergigian (KP) Kuah adalah menurun.	11	12	8	7	9	47

Ahli Kumpulan: 4	Markah	1	2	3
	Prioriti	Rendah	Sederhana	Tinggi

1.2 SEBAB PEMILIHAN

S	Masalah karies gigi boleh menyebabkan kesan yang lebih teruk kepada <i>toddler</i> seperti gusi bengkak, bernanah dan selulitis.
M	Rekod data pesakit boleh didapati menerusi retin FV2 dan FV3.
A	Sapuan fluorida adalah satu-satunya fluorida topikal yang digunakan secara profesional yang disyorkan untuk mengawal dan mencegah karies gigi.
R	Penambahbaikan mampu dijalankan dengan sumber sedia ada.
T	Projek ini dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan (Jan 2021-Dis 2022).

1.3 TINJAUAN LITERATUR

<i>Fluoride varnishes (FVs) are professionally applied fluoride treatments that are usually applied two or four times per year depending on an individualized caries risk assessment of a child.</i> Kohn W.G et. al, 2021	<i>Fluoride varnish applied every six months is effective in preventing caries in the primary and permanent dentition of children and adolescents</i> Marinho VC et. al, 2002	<i>Fluoride varnish is indicated for individuals with moderate to high risk of developing dental caries.</i> <i>Manual Of Fluoride Varnish Programme For Toddlers, OHD, MOH 2019</i>
---	--	---

1.4 PENYATAAN MASALAH

PELUANG	Sapuan kedua fluorida tidak mencapai sasaran.
HASIL YANG DIINGINKAN	Untuk mencapai sapuan kedua fluorida sebanyak 50%.
FAKTOR PENYUMBANG	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada rekod yang baik bagi setiap sapuan.</li> <li>Tiada temujanji diberikan untuk sapuan fluorida yang kedua.</li> <li>Tiada hadir temujanji susulan.</li> </ul>
TUJUAN	Maka, melalui kajian ini faktor penyumbang boleh dikenalpasti dan tindakan penambahbaikan perlu dilaksanakan bagi meningkatkan peratusan kes sapuan fluorida kedua.

1.5 CARTA ANALISA MASALAH



1.6 DEFINISI

<b>SAPUAN FLUORIDA</b>	Fluorida yang disapu pada permukaan gigi untuk mencegah kerosakan gigi.
<b>SAPUAN FLUORIDA KEDUA</b>	Sapuan fluorida yang dibuat selepas 6 bulan dari sapuan pertama.
<b>KARIES AWAL KANAK-KANAK</b>	Karies awal kanak-kanak adalah kerosakan gigi yang berlaku pada kanak-kanak di bawah umur enam tahun. Ia melibatkan satu atau lebih batang gigi. Ia merupakan proses pendemineralan asid terhadap gigi akibat kehadiran plak (tahi gigi) dan air liur.

2. PENGUKURAN UTAMA PENAMBAHBAIKAN


2.1 OBJEKTIF

<b>UMUM</b>	Meningkatkan peratus sapuan fluorida yang kedua di KP Kuah.
<b>SPESEKIFIK</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Untuk menentukan peratusan sapuan fluorida kedua di KP Kuah.</li> <li>Untuk mengenalpasti punca-punca peratus sapuan fluorida yang kedua KP Kuah tidak mencapai sasaran.</li> <li>Untuk melaksanakan tindakan penambahbaikan bagi meningkatkan peratusan sapuan fluorida kedua di KP Kuah.</li> <li>Untuk menilai semula tindakan penambahbaikan yang dibuat untuk menaikkan peratusan sapuan fluorida yang kedua di KP Kuah.</li> </ol>

2.2 INDIKATOR & SASARAN

<b>Peratus sapuan fluorida yang kedua yang hadir ke KP Kuah</b>	
$\frac{\text{Bilangan sapuan fluorida yang kedua}}{\text{Bilangan sapuan fluorida pertama}} \times 100\%$	
<b>SASARAN</b>	$\geq 50\%$ Data Teknikal Bahagian Kesihatan Pergigian

2.3 CARTA ALIR PROSEDUR



2.4 MODEL OF GOOD CARE


NO	PROSES	KRITERIA	STAN DARD	PRA-INTERVENSI	KITARAN 1	KITARAN 2
1	Nasihat Sapuan fluorida	Memberikan nasihat kepentingan sapuan setiap 6 bulan bagi tempoh sekurang-kurangnya 2 tahun	100%	NA	100%	100%
2	Temujanji susulan setiap 6 bulan untuk sapuan fluorida bagi tempoh sekurang-kurangnya 2 tahun	Memberikan temujanji kepada semua pesakit yang mendapat sapuan pertama fluorida untuk sapuan seterusnya. Pengesanan kes cicir dilakukan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh temujanji. (Pesakit yang tidak hadir melebihi 1 bulan dari tarikh temujanji akan dikeluarkan)	100%	58.3%	100%	100%
3	Dokumentasi	Mengisi sapuan di retin FV2 selepas setiap sapuan	100%	NA	100%	100%

3. PROSES PENGUMPULAN MAKLUMAT

3.1 METODOLOGI

JENIS KAJIAN	Prospective Cohort Study
TEMPOH KAJIAN	SEBELUM INTERVENSI: Jan-Dis 2020 INTERVENSI: Jan-Dis 2021 (kitaran 1) Jan-Dis 2022 (kitaran 2)
KRITERIA INKLUSI	Pesakit berumur 4 tahun dan kebawah yang memerlukan sapuan fluorida dan hadir ke Klinik Pergigian Kuah.
KRITERIA PENGECUALIAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pesakit yang tidak menetap di Langkawi.</li> <li>Pesakit bukan warganegara.</li> <li>Pesakit yang mempunyai alahan fluorida.</li> <li>Pesakit yang menolak rawatan sapuan fluorida.</li> </ul>
CARA PERSAMPELAN	Convenient Sampling
ALAT KAJIAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>Borang Soal Selidik</li> <li>Kad Rawatan LPS (Defaulter tracing)</li> <li>Reten FV2</li> </ul>
SAIZ KAJIAN	Verifikasi Faktor Penyumbang Sebelum intervensi: 18 staf Selepas Intervensi: 17 staf

4. ANALISIS DAN INTERPRETASI





Soal selidik diberikan kepada staf pergigian KP Kuah (18 staf)

Soalan 1	Adakah anda faham tentang cara merekod sapuan fluorida?
Soalan 2	Adakah anda merekod sapuan fluorida setiap kali selepas sapuan fluorida?
Soalan 3	Ada tak lantikan pegawai pergigian atau juruterapi pergigian yang memantau sapuan fluorida?
Soalan 4	Adakah anda memberi temujanji seterusnya kepada setiap pesakit selepas sapuan fluorida?
Soalan 5	Adakah anda tahu keperluan sapuan fluorida setiap 6 bulan?
Soalan 6	Adakah anda memberikan nasihat kepentingan pencegahan awal karies selepas sapuan fluorida?

5. STRATEGI PENAMBAHBAIKAN

5.1 KITARAN 1

LANTIKAN PEGAWAI PEMANTAU

	
Jadual pemantauan bagi panggilan pesakit yang memerlukan sapuan fluorida kedua mengikut bulan.	

PENERANGAN PROSEDUR & REKOD

KESEDARAN KEPADA IBU BAPA




Penerangan berkenaan prosedur dan rekod terlibat kepada semua PP, JP dan Pembantu.

Memberikan kesedaran kepentingan melengkapkan 4 kali sapuan fluorida dan memberikan temujanji untuk sapuan kedua kepada ibubapa.


5.2 KITARAN 2

SENARAI SEMAK SAPUAN FLUORIDA

NASIHAT RINGKAS SELEPAS SAPUAN

	
Senarai semak untuk rujukan semasa sapuan fluorida.	Nasihat Ringkas bercetak untuk diberikan kepada ibubapa pesakit selepas sapuan pertama.

6. KESAN PENAMBAHBAIKAN



6.1 KESIMPULAN

- Peratusan sapuan fluorida kedua di KP Kuah adalah 55.6%.
- Punca peratus sapuan tidak mencapai sasaran adalah temujanji untuk rawatan tidak diberikan, tiada dokumentasi dan pesakit tidak hadir temujanji.
- Tindakan penambahbaikan yang diambil adalah melantik pegawai pemantau, menyediakan Senarai Semak Sapuan Fluorida, memberikan penerangan berkenaan prosedur terlibat dengan sapuan fluorida kepada PP, JP dan pembantu, memberikan temujanji terus kepada pesakit semasa sapuan pertama dijalankan dan menyediakan Nasihat Ringkas bercetak untuk diberikan kepada ibubapa pesakit selepas sapuan pertama.
- Tindakan penambahbaikan yang dijalankan adalah berkesan untuk meningkatkan peratus sapuan fluorida kedua di KP Kuah.

6.2 PENGAJARAN

- Pemantauan berterusan adalah penting dalam memastikan sapuan fluorida yang berkesan.
- Pemahaman & kesedaran ibu bapa tentang kepentingan sapuan fluorida menyumbang kepada kedatangan pesakit untuk setiap sapuan.
- Peringatan berterusan adalah penting dalam memastikan pesakit datang untuk setiap kali sapuan.

7. LANGKAH SETERUSNYA

- Meningkatkan pemantauan kes cicir dan mengurangkan kes cicir di kalangan *toddler*.
- Meneruskan pemantauan FV2 kepada empat kali sapuan.
- Meluaskan pembudayaan pemantauan ke klinik lain di daerah Langkawi.

RUJUKAN

Manual Of Fluoride Varnish Programme For Toddlers, OHD, MOH 2019  
Manual Early Childhood Oral Healthcare Never Too Early To Start, OHD, MOH 2008  
Marinho VC, Higgins JP, Logan S, Sheiham A. Fluoride varnishes for preventing dental caries in children and adolescents. Cochrane Database Syst Rev 2002(3):CD002279

PENGHARGAAN

- Dr Siti Maidayah Zakaria, Pegawai Pergigian Daerah Langkawi
- Dr Christopher Daryl Philip, Pegawai Pergigian KP Kuah
- Pegawai Pergigian KP Kuah
- Juruterapi Pergigian KP Kuah
- Pembantu Pembedahan Pergigian KP Kuah